

**BL1M: Tiada Lagi Alasan Belia Menunggang Motosikal Tanpa Lesen
Bernama
10 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Tiada lagi alasan bagi golongan belia menunggang motosikal tanpa lesen dengan adanya bantuan yang disediakan kerajaan menerusi Bantuan Lesen 1Malaysia (BL1M).

Beberapa pemimpin pertubuhan belia berpendapat jika selama ini golongan remaja memberi alasan tidak mampu membiayai kos mengambil lesen, tetapi alasan itu kini tidak boleh diterima kerana menerusi BL1M golongan belia memiliki lesen motosikal pada kadar harga terendah iaitu RM199 berbanding harga biasa lebih RM350.

Presiden Majlis Belia Selangor (MBS) Datuk Irmohizam Ibrahim berkata bantuan itu dapat meringankan beban belia terutamanya mereka yang tidak berkemampuan atau yang baru pertama kali mengambil lesen," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata apabila lebih ramai golongan remaja mendapat bantuan itu bermakna mereka akan menjalani ceramah serta latihan undang-undang keselamatan jalan raya dan diharap dapat memberi kesedaran terutama kepada mereka yang selalu merempit untuk meninggalkan perbuatan sia-sia itu.

"Langkah itu juga dapat menyedarkan golongan belia terhadap pentingnya memiliki lesen biarpun menunggang motosikal di kawasan kampung," katanya.

Sementara itu, Presiden Kelab Belia Tamil Malaysia K. Murali berkata program seumpama ini akan menggalakkan lebih ramai belia mengambil lesen menunggang motosikal kerana sebelum ini harganya mahal menyebabkan belia tidak mampu untuk menampung kos mengambil lesen.

Justeru beliau menggesa belia India terutama 24,000 anggota kelab itu supaya memanfaatkan peluang yang disediakan kerajaan.

Pengerusi MAYC Global Relief Akhramsyah Muamar Ubaidah Sanusi berpendapat program bantuan ini adalah satu titik permulaan serta langkah positif dalam menerapkan para belia dengan aspek keselamatan jalan raya.

"Ini adalah satu titik permulaan dan ia tidak terhenti di sini sahaja," katanya.

Sementara itu tinjauan Bernama mendapati belia yang telah membuat permohonan BL1M menyuarakan rasa amat terharu dengan keprihatinan kerajaan yang banyak membantu golongan belia Malaysia.

Fazrul Ahmad, 17, lepasan Sijil Pelajaran Malaysia berkata beliau amat beruntung ekoran kerajaan komited membantu para belia untuk memiliki lesen motosikal dan mempelajari aspek keselamatan jalan raya.

"Macam saya yang baru sahaja tamat sekolah bagi saya untuk buat lesen motosikal harganya tinggi. Apabila mengetahui program ini, saya cepat-cepat mengisi borang," katanya.

Roslan Saat, 38, buruh binaan berkata selama ini beliau fikir lesen motosikal tidak begitu penting buatnya kerana tinggal di kampung.

"Dulu saya ada terfikir untuk membuat lesen tetapi harganya yang mahal serta tinggal di kampung membuatkan saya terus melupakannya. Atas rasa tanggungjawab dan demi keselamatan membuatkan saya berubah fikiran untuk memohon program ini," katanya.

Sejak program itu dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak bulan lepas, lebih 55,000 belia telah memohon BL1M.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=927350>